

Not secure | malaysiagazette.com/v2/blog/2018/01/22/msm-umum-peletakan-jawatan-ceo/

Malaysia Hold MyCube MyCube HRMS Download batman New folder 7 Halal Chinese Rest Sign in to your ac

UTAMA NASIONAL POLITIK EKONOMI DUNIA SENI HIDUP SUKAN AKHBAR CINA

Home > Ekonomi > MSM umum peletakan jawatan CEO

EKONOMI

MSM umum peletakan jawatan CEO

By Norlaile Abd Rahman - 22 Januari 2018 140 0

Kongsi Facebook Twitter G+ Pin Suka 17 Tweet



Cara Lain Untuk

f 10,658 Fan

1,537 Follo

1,532 Fello

3,116 Follo

9,203 Subs

Artikel Popular

Puteri MIC ya orang muda

21 Januari 2018

"Kini golongan ini ju yang dilakukan oleh kehidupan yang teri sokongan terhadap meningkat berband

KUALA LUMPUR- MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM), peneraju pengeluar gula bertapis terbesar negara, mengumumkan pengosongan jawatan Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan yang ditinggalkan Datuk Mohamad Amri Sahari @ Khuzari.

Tempat beliau kini dipangku oleh Mohd. Shaffie Said berkuatuksa hari ini.

Amri mendakwa beliau meninggalkan pekerjaannya kerana telah diberhentikan melalui cara yang konstruktif.

"MSM menafikan dakwaan tersebut dan meminta beliau kembali bekerja mengikut terma dan syarat yang tertakluk dalam perkhidmatan beliau untuk melaksanakan peranan dan tanggungjawabnya sebagai Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan.

"Berikutan pengesahan oleh Datuk Mohamad Amri Sahari @ Khuzari bahawa beliau tidak akan kembali bekerja, Lembaga Pengarah MSM melantik Mohd Shaffie Said sebagai Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif MSM berkuatuksa hari ini," kata syarikat tersebut dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Mohd. Shaffie memegang jawatan sebagai Ketua Pegawai Teknikal MSM dan Pengarah Projek bagi MSM Sugar Refinery (Johor) Sdn Bhd.

Beliau juga akan menggalas tanggungjawab Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan dan melapor kepada Pengarah Eksekutif MSM.

MSM akan meneruskan urusan perniagaan seperti biasa, manakala Lembaga Pengarah bersama pihak pengurusan sentiasa teguh dalam memajukan perniagaan, kata kenyataan tersebut.-MalaysiaGazette